

17 OCT 2003

S'pura-Kereta api/I

S'PURA MAHU BAWA PERTIKAIAN TANAH KTM KE TIMBANG TARA

SINGAPURA, 17 Okt (Bernama) -- Singapura bercadang menyelesaikan pertikaian yang telah lama berlarutan antara pihaknya dan Malaysia berhubung tanah Kereta Api Tanah Melayu (KTM), dengan merujuknya kepada pihak ketiga antarabangsa.

Straits Times melaporkan republik ini telah mengambil langkah awal mengenai perkara ini dengan mengemukakan cadangan mengenainya dalam sepucuk surat diplomatik atau Nota Pihak Ketiga, kepada Kuala Lumpur pada 26 Sept lepas.

"Kami sedang menunggu jawapan Malaysia," kata Menteri Luar, S. Jayakumar pada sidang parlimen semalam.

Singapura menyatakan ia ingin melihat perkara itu diselesaikan sama ada oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau timbang tara antarabangsa di Mahkamah Timbang Tara Tetap.

Pertikaian tersebut membabitkan perjanjian yang dikenali sebagai Perkara Perjanjian (POA), yang ditandatangani oleh kedua-dua negara pada 27 Nov 1990.

Akhbar tersebut melaporkan bahawa perjanjian itu mengandungi antara lain syarat-syarat pembangunan dan status tanah kereta api di sini. Ia juga melibatkan urusan pemindahan Stesen Kereta Api Tanah Melayu di Tanjong Pagar sama ada secara sementara ke Bukit Timah atau terus ke Woodlands.

Sebagai balasannya, tiga bidang tanah kereta api -- di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands -- akan dimajukan secara bersama, kata akhbar tersebut.

"Kesemua tanah kereta api lain di selatan Woodlands, selain di Tanjong Pagar, Woodlands dan Kranji akan diserahkan kepada Singapura," kata Jayakumar.

Singapura berhujah bahawa oleh kerana Malaysia tidak melaksanakan urusan pemindahan Stesen Kereta Api Tanjong Pagar, maka pihaknya mahu meminda POA berkenaan dengan meminta Malaysia menyerahkan lebih banyak tanah yang tidak diliputi oleh perjanjian itu sebelum ini.

Akhbar itu melaporkan, Singapura berpendapat bahawa perjanjian itu berkuatkuasa mulai tarikh ia ditandatangani manakala Malaysia pula berkata ia akan hanya berkuat kuasa apabila ia (Malaysia) memutuskan untuk memindahkan Stesen Kereta Api Tanjong Pagar.

Sambil memetik kandungan surat yang dihantar oleh Menteri Luar Malaysia ketika itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Jayakumar berkata Malaysia menyatakan POA berkenaan "akan hanya berkuatkuasa sekiranya dan apabila KTM memutuskan untuk mengosongkan stesen kereta api tersebut.

Menurut akhbar itu lagi, peluang untuk menyelesaikan kebuntuan itu muncul pada 1998 apabila kedua-dua pihak bersetuju menyelesaikan isu berkenaan secara pakej bersama isu-isu dua hala lain yang masih tertangguh seperti bekalan air dan penggunaan ruang udara Malaysia.

Bagaimanapun, Malaysia memutuskan memberi keutamaan kepada usaha menyelesaikan isu air secara berasingan dan tidak meneruskan pendekatan yang dipersetujui sebelumnya, kata akhbar itu.

"Kini, apabila Malaysia tidak meneruskan pendekatan berbentuk pakej itu, maka asas untuk menimbang permintaan Malaysia bagi mengubah syarat-syarat POA sudah tidak wujud lagi," katanya.

Mengenai isu air, Jayakumar berkata beliau bersetuju dengan apa yang diucapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2004 pada 12 Sept lepas iaitu sekiranya sesuatu pertikaian tidak dapat diselesaikan melalui rundingan, maka ia perlu dibawa

kepada pihak ketiga yang bertindak sebagai timbang tara.

"Kami juga bersetuju bahawa apabila rundingan gagal menyelesaikan sesuatu isu yang tertangguh, maka kita patut merujuknya kepada badan kehakiman atau timbang tara pihak ketiga, terutama apabila ia melibatkan isu perundangan," kata Jayakumar.

-- BERNAMA

SS SP LAT